

Program Pendidikan Pencegahan Dadah SLAD: Adakah Ia Berkesan Mencapai Matlamatnya?

MAHMOOD NAZAR MOHAMED

YAHYA DON

MOHAMAD HASSAN

MUHAMAD DZAHIR KASA

Universiti Utara Malaysia

Abstrak: Pendidikan pencegahan dadah menjadi satu isu penting di sekolah-sekolah hari ini memandangkan penglibatan golongan remaja dengan dadah yang semakin meningkat. Walaupun golongan remaja dan muda tidak banyak terlibat dengan narkotik dan dadah lain yang amat berbahaya, namun semakin ramai golongan ini mula mencuba, menggunakan dan menyalahgunakan tembakau, dadah rekreasi, thinner dan gam. Ini terbukti dengan statistik yang dibekalkan oleh Agensi Dadah Kebangsaan. Satu daripada strategi untuk meningkatkan kesedaran mengenai dadah serta membina pertahanan dalam diri remaja untuk tidak mencuba dadah ialah pendidikan pencegahan dadah di sekolah-sekolah. Skim Lencana Anti Dadah (SLAD) merupakan satu kaedah inovatif yang sedang digunakan sekarang ini di Malaysia untuk memberi pengetahuan dan kesedaran mengenai dadah di kalangan pelajar tingkatan 4 atau gred 10, di samping memberi input secukupnya supaya mereka yang mengikuti SLAD boleh bertindak sebagai rakan yang menasihati remaja lain untuk menjaubi dadah. Kajian ini menggunakan rekabentuk eksperimen pra-pasca ujian yang membandingkan kumpulan yang serupa di antara sekolah-sekolah yang menjalani dan tidak menjalankan program SLAD. Kajian ini menilai hasil program tersebut dari segi pengetahuan mengenai dadah dan tahap harga diri peserta SLAD. Kajian mendapati bahawa remaja yang mengikuti program SLAD mempunyai tahap pengetahuan yang tinggi mengenai dadah, bukan hanya selepas menjalani program tetapi enam bulan kemudian, di samping tahap harga diri yang juga lebih tinggi berbanding dengan pelajar dalam kumpulan kawalan. Ini menunjukkan bahawa program SLAD berjaya

meningkatkan pengetahuan peserta mengenai dadah dan meningkatkan harga diri mereka supaya mereka berasa yakin untuk membantu kawan-kawan lain untuk sedar serta menjaubi dadah.

Abstract: Drug prevention education has become a critical issue in schools today because there is an increase in youth involvement with drugs. Although the number of youths addicted to narcotics and other serious substances is not significantly high, those experimenting with tobacco, recreational drugs, thinners and glues are on the rise. This is evident by statistics provided by the National Drugs Agency. One strategy to increase drug awareness and build adequate defenses against drug taking behavior is drug education among school children. An innovative approach currently used in Malaysia is the Skim Lencana Anti Dadah or SLAD. This program targets youths aged 16 or 10th grade equivalence to a program that aims to increase their knowledge and awareness about drugs, and for them to act as peer support for other vulnerable youths. This study uses a pre-posttest design, similar group comparison between schools with and without the SLAD. It evaluates the outcome of this program in terms of knowledge about drugs and their self-esteem. The study found that youths who undergo the SLAD program show a significant increase in knowledge on drugs not only immediately after the program but also six months later. They also scored significantly higher on self-esteem when compared to the control group. This shows that the SLAD drug education program has successfully increased their knowledge on drugs and their self-esteem, which will enable them to be aware of the danger of drugs and be confident enough to assist their peers to also stay away from drugs.

PENGENALAN

Salah satu strategi yang selalunya dilaksanakan bagi mengurangkan dan seterusnya membasmi masalah dadah dalam sesebuah negara ialah melalui pencegahan yang lazimnya meliputi pendidikan pencegahan umum dan khusus. Strategi ini dijalankan oleh negara-negara yang menghadapi masalah penyalahgunaan dan penagihan dadah bagi mengurangkan permintaan terhadap dadah (*demand reduction*) yang mungkin terus terbina pada masa akan datang

seandainya ia tidak dibendung. Hasil pelbagai kajian dari luar negara menunjukkan bahawa program pendidikan pencegahan dadah sama ada untuk masyarakat umum ataupun di sekolah-sekolah adalah berkesan dan boleh dipraktikkan bagi mengurangkan masalah dadah dalam jangka masa panjang. (Dusenbury, 1996; Botvin & Botvin, 1997; Hansen, 1992; Perry, Kelder, Murray & Klepp, 1992).

Program pendidikan pencegahan dadah dilaksanakan dengan tujuan untuk memberi dan meningkatkan pengetahuan di samping mendorong golongan remaja dan pelajar sekolah menjauhi dadah (Dusenbury, 1996). Selain itu, ia juga bertujuan untuk mengurangkan kadar keciciran di kalangan pelajar sekolah yang mungkin akibat daripada penglibatan dengan dadah. Hal ini amatlah penting agar masalah yang boleh diselesaikan di peringkat sekolah dengan kos yang berpatutan tidak diterjemah kepada masyarakat kemudiannya dengan kos yang lebih tinggi.

Program pendidikan pencegahan dadah yang dilaksanakan di sekolah-sekolah lazimnya menekankan aspek-aspek persediaan asas serta kemahiran sosial untuk menghadapi tekanan dan pengaruh rakan sebaya di samping mengekalkan hubungan mesra dengan ahli masyarakat yang lain (Pentz et al., 1989; Botvin & Botvin, 1997; Hansen, 1992; Perry et al., 1992).

Terdapat pelbagai program pendidikan pencegahan dadah untuk pelajar sekolah dan golongan remaja yang telah dilaksanakan di luar negara, antaranya seperti *Students Taught Awareness and Resistance* (STAR), *Program Northland*, *Seattle Social Development Project*, *Preparing for Drug (Free) Years*, *Life Skill Training* (LST), *Project ALERT*, *Program Drugs Abuse Resistance Education* (DARE), *Kid Power Program*, *Good Behavior Game*, *Brain Power Program*, *Teenage Health Teaching Modules* (THTM), *Fast Track*, *Westchester Student Assistance Program* dan sebagainya. Program-program yang dilaksanakan ini bergantung kepada keperluan sekolah dan haruslah sesuai dengan situasi fizikal dan sosio-budaya sesuatu tempat itu (Mahmood, 1999).

Program-program pencegahan yang dilaksanakan seperti di atas telah memberi kesedaran mengenai dadah dan berjaya

mengurangkan insiden penggunaan dadah di kalangan pelajar sekolah. Menurut Johnston, O'Malley & Bachman (1996) dalam kajian terhadap satu kumpulan pelajar di lapan buah sekolah, mereka mendapati program pencegahan dadah STAR yang dilaksanakan di sekolah sama ada ke atas golongan remaja yang berisiko tinggi atau rendah menunjukkan penurunan yang signifikan di dalam penggunaan marijuana di kalangan pelajar-pelajar. Program ini juga telah berjaya mengurangkan masalah disiplin dan meningkatkan pencapaian akademik pelajar. Hasil kajian Hawkins, Catalano & Miller, (1992) menunjukkan berlaku pengurangan yang signifikan dalam kadar ponteng sekolah, peningkatan dalam akademik, pengurangan tabiat agresif dan perlakuan jenayah. Dalam hal lain, program-program ini juga telah berjaya memperlihatkan perubahan dalam implementasi pengajaran dan pembelajaran. Dengan berkurangnya masalah berkaitan dengan dadah dan disiplin, guru mempunyai kesungguhan yang tinggi untuk melaksanakan program ini dan dapat menghasilkan pelajar yang lebih berkeyakinan dan berdisiplin (Dusenbury, 1996).

Keberkesanan program-program pencegahan dadah juga amat bergantung kepada sensitiviti budaya, relevan dengan golongan remaja sama ada di kawasan bandar atau luar bandar, etnik, kesungguhan pengajaran dan pembelajaran oleh guru dan kerjasama daripada badan-badan atau organisasi yang terlibat dalam pelaksanaan setiap program. Menurut Botvin, Dusenbury, Baker, James-Ortiz & Kerner (1989) pelaksanaan program LST hanya berkesan ke atas golongan minoriti di kawasan bandar. Kegagalan pihak polis membantu di dalam pelaksanaan program DARE merupakan faktor yang menyumbang kepada kurang keberkesanan kejayaan program tersebut (Ennett et al., 1994). Program-program yang dilaksanakan perlu mengimplementasikan kedua-dua strategi pengajaran iaitu interaktif serta tidak interaktif dan menerapkan kemahiran sosial sepanjang pengajaran (Ringwalt, Ennett & Holt, 1991). Selain itu, program yang dilaksanakan memerlukan perbelanjaan yang tinggi contohnya pelaksanaan *Drug Free Years* merupakan program yang melibatkan perbelanjaan yang besar.

Program ini memberi tumpuan kepada keluarga yang berpendapatan rendah dan berisiko tinggi (Dusenbury, 1996).

Di Malaysia, program pendidikan pencegahan dadah adalah salah satu strategi yang dilakukan untuk membina ketahanan diri kumpulan remaja untuk menjauhi dadah. Menyedari kepentingan program pendidikan pencegahan dadah, Kementerian Pendidikan Malaysia dengan kerjasama PEMADAM Kebangsaan telah melancarkan Program Skim Lencana Anti Dadah (SLAD) pada tahun 1986 di sekolah-sekolah di Malaysia dengan penerbitan buku Log SLAD yang ditaja oleh salah sebuah bank di Malaysia. Pelaksanaan program SLAD dimulakan pada tahun 1988 di beberapa sekolah menengah di seluruh Malaysia dan dibiayai oleh PEMADAM Kebangsaan dengan peruntukan sebanyak RM100,000.00 setahun. Pada tahun 1995, Kementerian Pendidikan telah mengambil alih tugas untuk membiayai percetakan Buku Log dan merancang pelaksanaan program SLAD (Mahmood, 1999).

Matlamat utama program ini untuk mewujudkan kumpulan pelajar yang boleh menangani masalah yang sering dihadapi oleh pelajar hari ini. Kaedah ini dilakukan dengan cara mendedahkan para peserta SLAD dengan ilmu dan kemahiran asas bagi mengatasi permasalahan pelajar, latihan kepimpinan dan membentuk peserta sebagai pelajar contoh. Kumpulan sasarannya adalah pelajar sekolah menengah (PEMADAM, 1998; Berita PEMADAM, 1999).

Melalui program SLAD, peserta dibekalkan dengan buku-buku log secara percuma dan dikehendaki mengisi segala maklumat sebenar dengan lengkap. Buku log ini diperiksa oleh guru penasihat persatuan atau pasukan dan disimpan oleh peserta (Berita PEMADAM, 1999). Antara maklumat yang perlu diisi selain maklumat diri ialah rancangan aktiviti SLAD tahunan, rekod ceramah, rekod penyampaian maklumat anti-dadah oleh peserta kepada orang awam, koleksi maklumat media, rekod rakan sebaya, laporan kes penagihan dan pengedaran dadah seluruh negara dan gambar aktiviti yang dilaksanakan serta resolusi peserta untuk masa depan (Berita PEMADAM, 1999). Kesemua aktiviti ini disasarkan

untuk meningkatkan pengetahuan dan kesedaran peserta program terhadap bahaya dadah.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini diusahakan bagi mengenalpasti keberkesanan program SLAD dengan merujuk kepada objektif program berkenaan, iaitu untuk meningkatkan pengetahuan mengenai dadah dan mewujudkan kumpulan pelajar yang boleh membantu dalam menangani masalah pelajar hari ini.

Secara khususnya kajian ini bertujuan untuk meneliti sama ada terdapat perubahan positif dari segi peningkatan pengetahuan tentang dadah di kalangan pelajar-pelajar yang mengikuti program SLAD berbanding dengan pelajar yang tidak mengikuti program SLAD.

Memandangkan pelajar SLAD ini diharap untuk bertindak sebagai penyelesaian masalah di kalangan rakan-rakan mereka, kajian ini juga meneliti aspek harga diri mereka sebelum dan selepas program. Perbandingan dengan pelajar yang tidak mengikuti program SLAD turut dilakukan.

Sebagai tambahan, kajian ini juga bertujuan untuk melihat kesan jangka masa sederhana projek SLAD ke atas pengetahuan peserta program mengenai dadah serta tahap harga diri mereka. Ini akan dilakukan dengan cara mengumpul maklumat enam bulan setelah mereka tamat program berkenaan.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan rekabentuk eksperimen (pengujian pra-program dan pasca program), untuk mendapat maklumat secara langsung daripada pelajar yang menyertai program ini. Data dikumpulkan dengan menggunakan soal selidik yang dibentuk.

Sampel kajian terdiri daripada 66 orang pelajar sekolah menengah kebangsaan dari seluruh Malaysia, yang mewakili

sekolah masing-masing dalam program SLAD di UUM (Jadual 1). Mereka terdiri daripada pelajar tingkatan empat dan berumur 16 tahun.

Borang soal selidik dalam kajian ini dibina dengan berdasarkan kepada objektif yang hendak dicapai oleh program SLAD. Di antara maklumat yang dikumpul ialah latar belakang pelajar yang merangkumi jantina, etnik, latar keluarga, sekolah, tempat tinggal, diri pelajar dan maklumat rekreasi.

Jadual 1
Responden Kajian Mengikut Negeri dan Jantina

Negeri	Jantina		Jumlah
	P	L	
Negeri Sembilan	2	2	4
Perak	2	3	5
Kuala Lumpur	3	2	5
Selangor	2	3	5
Perlis	2	3	5
Sabah	3	2	5
Kelantan	-	3	3
Terengganu	2	3	5
Wilayah Persekutuan Labuan ²	3	5	
Kedah	4	1	5
Sarawak	2	2	4
Pulau Pinang	3	2	5
Melaka	2	3	5
Johor	2	3	5
Jumlah	31	35	66

Bahagian kedua melihat kepada pengetahuan mengenai dadah. Sejumlah 18 item dibentuk dengan berdasarkan input dalam program SLAD. Item tersebut adalah seperti di Jadual 2. Pengetahuan mengenai dadah diteliti melalui jawapan yang diberikan ke atas soal selidik berkenaan sebanyak tiga kali; sebelum peserta mengikuti program SLAD di UUM, sejeurus selepas program itu dan enam bulan setelah mereka tamat mengikuti program berkenaan. Responden menjawab dengan menggunakan

skala likert 4-poin iaitu jawapan sangat tidak setuju (1) kepada memang setuju (4). Skor tinggi menunjukkan persetujuan kepada kenyataan yang ditanya manakala skor rendah menandakan ketidaksetujuan kepada kenyataan berkenaan.

Jadual 2

Item Berkaitan Pengetahuan Mengenai Dadah

Item
1. Dadah merbahaya untuk kesihatan saya
2. Dadah boleh bantu saya "concentrate" semasa belajar
3. Saya boleh selesai semua masalah dengan dadah
4. Kalau guru marah, saya boleh lupakan dengan mengambil dadah
5. Ada dadah tidak begitu bahaya, ada yang bahaya
6. Kalau saya cuba dadah sekali, tak mungkin saya ketagih
7. Kalau dadah tidak dilarang kerajaan, saya pasti mencubanya
8. Rokok mengandungi dadah
9. Mengambil pil khayal tidak akan membuat kita ketagih
10. Ecstasy adalah sejenis dadah berbahaya
11. Tidak salah jikalau kita guna sedikit dadah untuk bergembira
12. Orang yang ketagih tidak ada harapan untuk pulih
13. Selalunya penagih akan jadi penjenayah
14. Kawan-kawan boleh mempengaruhi seseorang remaja untuk mengambil dadah
15. Dadah macam ais krim, tak rasa maka tak tahu
16. Saya percaya dengan kata orang yang dadah boleh mendatangkan perasaan gembira
17. Dalam sukan, dadah boleh merangsang prestasi atlit dan ini harus dibiarkan
18. Kopi yang kita minum mengandungi dadah yang boleh membawa kepada ketagihan

Bahagian ketiga mengukur harga diri pelajar dengan menggunakan Coopersmith Self-Esteem Inventory (CSEI). Ia mengukur harga diri ke atas empat dimensi iaitu keluarga, diri, rakan dan sekolah atau institusi. Skor keseluruhan harga diri diperolehi dengan menggabungkan skor keempat-empat dimensi ini.

DAPATAN KAJIAN

Kesemua 66 orang responden yang mengikuti program SLAD menjawab borang soal selidik. Responden berumur antara 14 tahun (1.5%), 15 tahun (24.5%) dan 16 tahun (93.9%). Sejumlah 53% adalah responden laki-laki manakala 47% adalah responden perempuan; 81.8% berbangsa Melayu diikuti 4.5% Cina, 3.0% India, dan selebihnya 10.6% dari lain-lain bangsa.

a. Pengetahuan mengenai dadah

Pengetahuan mengenai dadah diuji melalui sejumlah 18 item yang dilakukan sebanyak tiga kali. Tujuan tiga pengukuran ialah untuk melihat perbezaan yang dialami responden sejurus selepas mereka mengikuti program (jangka pendek) dan perubahan jangka sederhana, iaitu 6 bulan selepas program. Perbandingan dilakukan melalui ujian *t* 'pairwise' di antara dua ukuran dalam sesebuah kumpulan. Ringkasan perubahan di antara kumpulan kawalan dan kumpulan kajian adalah seperti dalam Jadual 3. Secara umumnya kajian ini mendapati peningkatan pengetahuan mengenai dadah berlaku selepas program dan 6 bulan kemudian bagi pelajar yang mengikuti program SLAD. Bagi pelajar yang tidak mengikuti program SLAD pula, adakalanya tahap pengetahuan mereka meningkat, adakala tidak berubah dan adakalanya menurun. Ini menunjukkan bahawa peserta SLAD mempunyai pengetahuan yang betul mengenai dadah dan ia terus terpelihara (sustained) dalam jangkamasa sederhana, iaitu 6 bulan kemudian.


Jikalau ditinjau markat untuk kesemua 18 item bagi kumpulan kajian, terdapat peningkatan pada tahap pengetahuan mengenai dadah secara signifikan berbanding dengan sebelum dan selepas mereka mengikuti program ($t = -2.228, p < 0.05$) dan 6 bulan kemudian ($t = -3.169, p < 0.05$).

Jadual 3
Pola Perubahan Pada Pengetahuan Mengenai Dadah
 (dalam masa enam bulan)

Bil	Item Perubahan	Kajian	Kawalan
1.	Dadah merbahaya untuk kesihatan saya	tiada	tiada
2.	Dadah boleh bantu saya "concentrate" semasa belajar	tiada	meningkat
3.	Saya boleh selesai semua masalah dengan dadah	tiada	meningkat
4.	Kalau guru marah, saya boleh lupakan dengan mengambil dadah	tiada	meningkat
5.	Ada dadah tidak begitu bahaya, ada yang bahaya	tiada	tiada
6.	Kalau saya cuba dadah sekali, tak mungkin saya ketagih	tiada	tiada
7.	Kalau dadah tidak dilarang kerajaan, saya pasti mencubanya	tiada	tiada
8.	Rokok mengandungi dadah	tiada	tiada
9.	Mengambil pil khayal tidak akan membuat kita ketagih	tiada	tiada
10.	Ecstasy adalah sejenis dadah berbahaya	meningkat	tiada
11.	Tidak salah jikalau kita guna sedikit dadah untuk bergembira	tiada	meningkat
12.	Orang yang ketagih tidak ada harapan untuk pulih	tiada	tiada
13.	Selalunya penagih akan jadi penjenayah	meningkat	tiada
14.	Kawan-kawan boleh mempengaruhi seseorang remaja untuk mengambil dadah	tiada	tiada
15.	Dadah macam ais krim, tak rasa maka tak tahu	tiada	tiada
16.	Saya percaya dengan kata orang yang dadah boleh mendatangkan perasaan gembira	tiada	meningkat
17.	Dalam sukan, dadah boleh merangsang prestasi atlit dan ini harus dibiarkan	tiada	tiada
18.	Kopi yang kita minum mengandungi dadah yang boleh membawa kepada ketagihan	meningkat	tiada
19.	Pengetahuan secara "total" (*gabungan 18 item)	meningkat	menurun

Untuk kumpulan kawalan pula, penurunan tahap pengetahuan mengenai dadah adalah signifikan ($t = 2.504$, $p < 0.05$) dan terus menurun 6 bulan kemudian ($t = 24.405$, $p < 0.05$). Ini menunjukkan bahawa program SLAD yang diikuti di UUM berjaya meningkatkan pengetahuan mengenai dadah di kalangan peserta. (Rajah 1)


Rajah 1: Skala Pengetahuan Program SLAD Skor Total



b. Harga diri


Pertama ialah harga diri dari aspek keluarga. Rajah 2 menunjukkan bahawa harga diri (keluarga) responden meningkat secara signifikan selepas mengikuti program SLAD ($t = -2.759$, $p < 0.05$), tetapi menurun 6 bulan kemudian ($t = 14.764$, $p < 0.05$). Walaupun demikian tren harga diri skor keluarga dalam jangka masa sederhana menurun ($t = 9.562$, $p < 0.05$), dan ini bermakna responden mungkin mempunyai penilaian dan perasaan yang kurang memuaskan terhadap keluarga masing-masing. Tren yang sama juga diperhatikan kepada tahap harga diri kumpulan kawalan.

Rajah 2: Harga Diri (Keluarga)




Kedua ialah aspek sendiri. Rajah 3 menunjukkan bahawa tahap harga diri (sendiri) meningkat daripada sebelum mereka mengikuti program kepada selepas program berkenaan ($t = -4.874$,

$p < 0.05$) dan juga secara keseluruhan dalam masa 6 bulan ($t = -3.230$, $p < 0.05$). Manakala bagi kumpulan kawalan menurun selepas enam bulan.



Ketiga ialah aspek rakan sebaya. Rajah 4 menunjukkan bahawa terdapat sedikit perubahan terhadap harga diri aspek rakan sebaya, yang mana skor bagi kumpulan kajian meningkat secara signifikan dalam masa enam bulan ($t = -2.607$, $p < 0.05$). Bagi kumpulan kawalan pula, ia turun secara signifikan selepas enam bulan ($t = 2.184$, $p < 0.05$).




Aspek keempat ialah harga diri yang berkaitan dengan sekolah. Terdapat peningkatan pada tahap harga diri selepas program SLAD dilaksanakan ($t = -3.846$, $p < 0.05$) namun begitu


tahap harga diri aspek sekolah ini mengalami penurunan selepas 6 bulan pelaksanaan program SLAD tamat. Tiada perubahan diperhatikan kepada tren keseluruhan harga diri aspek sekolah bagi kumpulan kajian (Rajah 5). Bagi kumpulan kawalan, tiada perubahan diperhatikan pada tahap harga diri aspek sekolah.

Manakala secara total pula, kajian ini mendapati perbezaan besar pada tahap harga diri di antara kumpulan kajian dan kumpulan kawalan. Kumpulan kawalan mencatatkan harga diri yang menurun pada ukuran 1 hingga 2, tetapi naik semula 6 bulan kemudian. Walau bagaimanapun tren keseluruhan ialah penurunan yang signifikan ($t = 9.872, p < 0.05$). Manakala bagi kumpulan yang mengikuti program SLAD, terdapat peningkatan harga diri yang signifikan setelah mengikuti program ($t = -5.416, p < 0.05$)

Rajah 5: Harga Diri (sekolah)



Rajah 6: Harga Diri (Total)



dan tren keseluruhan juga meningkat ($p=-3.005$, $p<0.05$) (Rajah 6).

PERBINCANGAN

Kajian ini dilakukan dengan tujuan untuk meneliti keberkesanan program pendidikan pencegahan dadah, khususnya program SLAD yang dikendalikan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Secara umumnya, kajian ini mendapati bahawa pelajar yang mengikuti program SLAD mencatatkan tahap pengetahuan mengenai dadah yang baik dan “sustainable”, beserta tahap harga diri yang juga baik berbanding dengan rakan-rakan mereka yang tidak mengikuti program SLAD. Justeru itu, kesimpulan awal yang boleh dibuat ialah program SLAD telah berjaya mencapai matlamat yang ditetapkan.

a. Pengetahuan mengenai dadah

Program SLAD memerlukan pelajar melakukan beberapa aktiviti untuk meningkatkan pengetahuan dan kefahaman mereka mengenai bahaya dadah. Umpamanya, mereka perlu mengisi dan memenuhi buku log dengan aktiviti-aktiviti mereka, membuat suntingan berita anti-dadah, menghadiri ceramah anti-dadah, mengikuti lawatan-lawatan yang memberi mereka pengetahuan dan kesedaran mengenai dadah, melukis poster bertemakan anti-dadah, membuat pameran, menulis laporan kes dadah, rekod pertemuan serta perbincangan dengan rakan sebaya dan bermacam lagi. Pendedahan berulang kali dan secara latih tubi ini sememangnya dapat meningkatkan pengetahuan, kesedaran dan kepekaan mereka mengenai isu dadah, dan lebih penting lagi memelihara dan mengekalkan maklumat ini dalam ingatan untuk jangka masa sederhana jika tidak pun untuk jangka masa yang panjang. Ini selaras dengan penemuan dalam kajian-kajian oleh Dusenbury (1996), Botvin et al., (1990), Ellickson & Belt (1990), Ennett et al., (1994) dan Hansen (1992) yang mendapati latihan dan pendedahan

secara berulang kali akan meningkatkan pengetahuan pelajar mengenai dadah.

Walaupun demikian, terdapat banyak cara lain yang boleh digunakan untuk meningkatkan pengetahuan pelajar mengenai dadah seperti melalui lukisan dan seni (Hansen, 1992), pengaruh sosial dan contoh teladan (Hansen et al., 1998), pengaruh keluarga (Mahmood, 1999; Mahmood & Md. Shuaib Che Din, 1996) dan pengajaran serta pembelajaran langsung (Dusenbury & Falco, 1997). Beberapa pendekatan ini telah diambilkira dalam program SLAD, tetapi ada yang belum dapat dilaksanakan kerana batasan-batasan kos dan tenaga pakar.

Seperkara yang menarik untuk dibincangkan ialah tentang aspek pengetahuan (item) yang tiada langsung perubahan, sama ada meningkat atau menurun dalam jangka masa enam bulan. Hal ini boleh diperhatikan dari Jadual 3.

Daripada 18 item dalam Jadual 9, sebanyak 10 item tidak mencatatkan apa-apa perubahan peningkatan atau penurunan daripada pengukuran pertama hinggalah pengukuran enam bulan kemudian. Dijangkakan bahawa item-item ini menjurus kepada pengetahuan am mengenai dadah yang mungkin telah diketahui ramai melalui kempen anti-dadah di media massa atau di sekolah.

Sebagai contoh item “dadah bahaya untuk kesihatan” adalah pengetahuan umum yang diketahui oleh orang ramai lazimnya melalui kempen-kempen ‘anti-dadah’. Jadi, tidaklah menghairankan jikalau skor dalam masa enam bulan tidak banyak berubah. Begitu juga dengan item “ada dadah yang tak begitu bahaya, ada yang bahaya”, yang mana kita dapati bahawa kempen anti dadah terus terang menegaskan tentang bahaya dadah kepada individu dan masyarakat. Hal yang sama juga dijangka dengan item-item lain yang tiada perbezaan di antara pengukuran pertama dan pengukuran enam bulan kemudian.

Kedua ialah respond yang meningkat untuk kumpulan kawalan (tidak mengikuti program SLAD). Terdapat lima item yang mendapat respon yang semakin ramai iaitu “dadah boleh bantu saya *concentrate* semasa belajar”, “saya boleh selesai semua masalah dengan dadah”, “kalau guru marah, saya boleh lupakan dengan

mengambil dadah”, “tidak salah jikalau kita guna dadah untuk bergembira”, dan “saya percaya dengan kata orang yang dadah boleh mendatangkan perasaan gembira”. Semua item ini menunjukkan bahawa seandainya bilangan respon itu meningkat, maka secara puratanya, mereka kurang faham tentang bahaya dadah. Keputusan ini menunjukkan bahawa di kalangan pelajar yang tidak mengikuti program SLAD, ada kecenderungan bahawa mereka tidak jelas tentang bahaya mengguna dadah, lantaran itu lebih ramai di kalangan mereka bersetuju dengan kenyataan di atas berbanding dengan pelajar yang mengikuti program SLAD.

Ketiga ialah respond yang meningkat di kalangan pelajar yang mengikuti program SLAD. Item-item yang mendapat respon yang meningkat ini ialah “ecstasy ialah sejenis dadah berbahaya”, “selalunya penagih akan jadi penjenayah” dan “kopi yang kita minum mengandungi dadah yang boleh membawa kepada ketagihan”. Jika ditinjau kandungan atau mesej item-item ini, ia adalah berkaitan dengan pengetahuan khusus mengenai dadah. Justeru itu, peningkatan bilangan persetujuan di kalangan mereka yang mengikuti program SLAD berbanding dengan pelajar yang tidak mengikuti program SLAD menggambarkan peningkatan pengetahuan khusus mengenai dadah.

Akhir sekali, jikalau digabungkan skor bagi kesemua 18 item, maka kita dapat lihat bahawa markah yang diperolehi peserta SLAD semakin meningkat berbanding dengan pelajar yang tidak mengikuti program SLAD. Ini menggambarkan bahawa program SLAD telah meningkatkan pengetahuan pelajar yang mengikuti program berkenaan.

Hasil penyelidikan ini juga disokong melalui sesi temuramah dengan beberapa orang yang terlibat dengan program ini. Menurut seorang pengerusi SLAD daerah yang telah melibatkan diri sejak 1988 lagi menyatakan bahawa program SLAD memberi input yang lebih mendalam terhadap pendidikan dadah. Sebagai contoh, pendedahan pengetahuan terhadap pencegahan dadah lebih meluas, strategi lebih teratur, pengetahuan terhadap keselamatan negara lebih luas, pendedahan terhadap perkembangan

dadah merbahaya yang lebih mendalam serta melibatkan lebih banyak agensi-agensi yang berkaitan dengan dadah.

Seorang pegawai pendidikan program SLAD juga menyatakan ujian-ujian dan tugas-tugas diberi kepada pelajar untuk menilai keberkesanan pengetahuan terhadap dadah. Daripada ujian-ujian ini, pencapaian pelajar terhadap pengetahuan dadah dapat diketahui.

Seorang pelajar di Perlis mengatakan pengetahuan tentang program SLAD banyak memberi kesan kepada diri supaya tidak terlibat dengan dadah dan cara-cara untuk mengelakkannya. Manakala seorang wakil pelajar lain, mengatakan bahawa program SLAD dapat memberi pendedahan maklumat yang lebih meluas tentang dadah.

b. Harga diri

Jika ditinjau matlamat program SLAD, ia juga adalah untuk mengujudkan kumpulan pelajar yang boleh menangani masalah rakan sebaya serta pelajar hari ini. Bagi mencapai hasrat ini, pelajar yang mengikuti program ini akan didedahkan dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran asas bagi mengatasi masalah pelajar atau rakan sebaya mereka. Mereka perlu berkeyakinan diri dan menjadi pelajar contoh berbanding dengan rakan-rakan mereka. Justeru itu, satu pengukuran yang baik bagi meninjau kejayaan pembentukan diri yang positif di kalangan peserta SLAD ialah terhadap harga diri mereka.

Ukuran CSEI meneliti harga diri dari empat aspek iaitu keluarga, sendiri, rakan sebaya dan sekolah, manakala harga diri keseluruhan pula menunjukkan gabungan kesemua aspek di atas menjadikan petunjuk terhadap kemantapan harga diri, keyakinan dan konsep diri seseorang itu.

Pertama ialah harga diri keluarga, yang mana kedua-dua kumpulan kajian dan kawalan mencatatkan penurunan skor daripada pengukuran pertama hinggalah pengukuran enam bulan kemudian. Memandangkan remaja yang bertindak sebagai respon dan rata-rata berumur 16 tahun, maka dijangkakan bahawa proses

perkembangan mereka menyebabkan remaja ini mendahulukan rakan sebaya daripada ibu bapa mereka sendiri untuk mendapatkan nasihat, pendapat, pandangan mahupun sebagai rujukan. Ini akan menyebabkan harga diri keluarga menurun dan dijangkakan hal ini tidaklah berkaitan dengan program SLAD, sebaliknya proses perkembangan psikologi remaja.

Mengenai harga diri sendiri, kumpulan kajian mencatatkan peningkatan harga diri dalam masa enam bulan, manakala kumpulan kawalan menampakkan penurunan. Ini menunjukkan bahawa program ini sedikit sebanyak membantu para peserta memperoleh tahap harga diri sendiri yang semakin baik dan ini dijangka dapat membantu mereka menjalankan fungsi nasihat, membimbing serta membantu remaja lain seperti mana yang diharapkan dan dimatlamatkan oleh SLAD.

Dari segi harga diri aspek rakan sebaya, tren yang sama diperhatikan iaitu kumpulan kajian menunjukkan peningkatan yang signifikan manakala kumpulan kawalan menunjukkan penurunan yang signifikan selepas enam bulan. Ini mungkin disumbang oleh pengaruh rakan sebaya dan hubungan positif sesama sendiri semasa menjalani program SLAD, yang mana hal ini mungkin tidak atau pun kurang dialami oleh mereka yang tidak mengikuti program SLAD. Tahap harga diri rakan sebaya yang tinggi dijangka akan membantu peserta SLAD untuk berhubung dengan rakan-rakan mereka dengan yakin dan jayanya.

Dari aspek sekolah (atau institusi) kedua-dua kumpulan tidak mencatatkan perbezaan peningkatan atau penurunan dalam masa enam bulan. Manakala dari segi harga diri keseluruhan pula, kumpulan kajian menunjukkan peningkatan signifikan, dan sebaliknya kumpulan kawalan mengalami penurunan harga diri dalam jangka masa enam bulan. Hal ini jelas menunjukkan bahawa program SLAD dapat membantu peningkatan tahap harga diri peserta yang mengikutinya. Perkara ini dapat disokong melalui pengalaman beberapa orang yang terlibat dengan program tersebut.

Menurut seorang pengerusi SLAD, berdasarkan pengalaman beliau program SLAD dapat melahirkan kumpulan pelajar yang agak matang dan boleh membantu sekolah dan negara

dari mengenai pencegahan dadah. Wakil pelajar dari Perlis menyatakan bahawa latihan yang diterima dari program ini dapat membantu beliau menasihatkan rakan-rakan agar tidak terlibat dengan penagihan terutama rokok, di samping memberi beliau keyakinan untuk cuba menarik rakan supaya berhenti merokok. Manakala rakannya pula menyuarakan bahawa program SLAD ini juga melatih pelajar ke arah kepimpinan dan dapat memberi maklumat kepada kawan tentang bahaya dadah dan pencegahan dadah melalui kelompok rakan sebaya.

Sehubungan itu, beberapa cadangan dikenalpasti bagi memantapkan pelaksanaan SLAD pada masa akan datang. Pertama, kajian ini dilakukan dengan dua kumpulan berbeza (kumpulan kajian dan kawalan) . Seelok-eloknya rekabentuk haruslah menggunakan "*equivalent group*" agar hasilnya lebih konklusif

Kedua, latihan yang lebih terperinci perlu diberikan kepada guru-guru yang terlibat dengan program SLAD seperti maklumat terkini mengenai dadah, cara penyampaian yang lebih berkesan di samping merencanakan pengajaran dan pembelajaran yang berasaskan pengalaman.

Ketiga, dari segi pendedahan, pelajar-pelajar program ini perlu diberikan lebih banyak pengalaman luar seperti lawatan ke pusat-pusat pemulihan, interaksi dengan penagih dadah dan bekas penagih dadah, interaksi dengan keluarga mereka dan pengalaman dalam kumpulan-kumpulan terapeutik bekas-bekas penagih dadah. Kesemua ini dapat memberikan pengalaman berharga yang tidak dapat diperolehi dari bilik darjah mahupun aktiviti SLAD yang lain.

- Berita PEMADAM (1999). *Laporan PEMADAM 1999*. Kuala Lumpur: PEMADAM.
- Botvin, G. J., & Botvin, E. M. (1997). *Comprehensive Textbook of Substance Abuse*. Baltimore: Williams & Wilkins.
- Botvin, G. J., Baker, E., Dusenbury, L., Tortu, S., & Botvin, E. M. (1990). Preventing adolescent drug abuse through a multimodal cognitive-behavioral approach: Results of a 3 years study. *Journal Consultant Clinical Psychology*, 58 (4): 437-446.
- Botvin, G. J., Dusenbury, L., Baker, E., James. Ortiz, S., & Kerner, J. (1989). A Skill Training Approach to Smoking Prevention among Hispanic Youth. *Journal of Behavioral Medicine*. 12, 279-296.
- Dusenbury, L., & Falco, M. (1997). A review of the evaluation of 47 drug abuse prevention curricula available nationally. *Journal of School Health*. 67 (4), 127-130.
- Dusenbury, L. (1996). *Making the grade: A guide to school drug prevention programs*. Washington, D. C.: Drug Strategies.
- Ellickson, P. L., & Belt, R. M. (1990). *Prospects for preventing drug use among young adolescents*. Santa Monica, CA: The RAND Corporation.
- Ennett, S. T., Ringwalt, C., & Flewelling, R. L. (1994). How Effective is Drug Abuse Resistance Education? A meta-analysis of Project DARE evaluations. *American Journal Public Health*, 84 (9), 1394-1401.
- Hansen, W. B. (1992). School-based substance abuse prevention: A review of the state of the art in curriculum 1980-1990. *Health Education Research*, 7 (3), 403-430.
- Hansen, W. B., Johnson, C. A., Flay, B. R., Graham, J. W., & Sobel, J. L. (1988). Affective and social influences approaches to the prevention of multiple substance abuse among seventh-grade students: Results from Project SMART. *Preventive Medicine*, 17, 1-20.

- Hawkins, J. D., Catalano, R. F., & Miller, J. Y. (1992). Risk and protective factors for alcohol and other drug problems in adolescence and early adulthood: Implications for substance abuse prevention. *Psychological Bulletin*, 112 (1), 64-105.
- Johnston, L. D., O'Malley, P. M., & Bachman, J. G. (1996). *National Survey Results on Drug Use From the Monitoring the Future Study 1975-1995*. Rockville, MD: U.S Department of Health and Human Services.
- Mahmood, N. M., & Md. Shuaib Che Din (1996). Psychosocial factors influencing recidivism amongst psychoactive drug addicts. *18th World Conference World Federation of Therapeutic Communities*, St. Petersburg, Russia.
- Mahmood, N. M. (1999). Familial relationship and receptivity to drug rehabilitation programme. *VI European Congress of Psychology*, Rome.
- PEMADAM (1998). *Laporan Tahunan 1998*. Kuala Lumpur: PEMADAM
- Pentz, M. A., Dwyer, J. H., MacKinnon, D. P., Flay, B. R., Hansen, W. B., Wang, E. Y., & Johnson, C. A. (1989). A multi-community trial primary prevention of adolescent drug abuse: Effects on drug use prevalence. *Journal of the American Medical Association*, 261, 3259-3266.
- Perry, C. L., Kelder, S. H., Murray, D. M., & Klepp, K. I. (1992). Community-wide smoking prevention: Long-term outcomes of the Minnesota health heart programme and the class of 1989 study. *American Journal of Public Health*, 82 (9), 1210-1216.
- Ringwalt, C., Ennett, S.T., & Holt, K.D. (1991). An Outcome Evaluation of Project DARE (drug abuse resistance education). *Health Education Resistance*, 3, 327-337.